

**Kaunter Perladangan Dapat Perhatian Dunia Di Bursa Malaysia
Bernama
6 Mac, 2014
Oleh Zairina Zainuddin**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Kaunter perladangan menjadi tumpuan di Bursa Malaysia Securities hari ini apabila merekodkan keuntungan menyeluruh susulan unjuran harga tinggi yang dibuat oleh beberapa penganalisis industri pada Persidangan dan Pameran Minyak Sawit dan Laurik (POC) 2014 yang berakhir semalam.

Pada 3.36 petang, Indeks Perladangan menokok 121.24 mata kepada 8,916.95 mata.

Antara kaunter perladangan yang mencatat untung ialah Genting Plantations yang melonjak 30 sen kepada RM11.00, PPB dan KLK masing-masing meningkat 24 sen kepada RM16.60 dan RM23.88, FGV naik tujuh sen kepada RM4.60 dan IOI Corp menambah tiga sen kepada RM4.76.

Sentimen positif dikesan sejak pertengahan pagi lagi di kaunter-kaunter perladangan, dirangsang oleh unjuran harga jangka pendek dan jangka panjang oleh pakar-pakar minyak sawit antarabangsa.

Dorab Mistry berkata harga MSM dijangka didagangkan antara RM2,600 dan RM2,900 setan, hasil permintaan tinggi, inventori yang rendah dan pengeluaran yang rendah disebabkan musim kemarau.

Mistry yang mengetuai cabang perdagangan minyak sayuran Godrej Industries India, turut mengatakan bahawa harga itu memperoleh rangsangan daripada industri biodiesel Indonesia.

Sementara itu, James Fry, Pengerusi LMC International Ltd yang berpangkalan di UK, berkata harga akan meningkat melepasi RM3,000 setan bagi minyak sawit dan RM4,500 setan bagi minyak isirung sawit.

Malaysia dan Indonesia merupakan pengeluar utama minyak sawit dunia, menyumbang sejumlah 85 peratus daripada pengeluaran dunia.

Semalam, penanda aras kontrak niaga hadapan MSM Mei, ditutup pada paras tertinggi dalam tempoh 17 bulan kepada RM2,834 setan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019816>